

28 MAY 1997

Megat-haru

MEGAT JUNID RASA SERONOK DAN SEDIH NAIK PANGKAT

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, yang dilantik menteri penuh berkuat kuasa Sabtu ini, yakin tidak akan menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang akan diterajunya.

Sambil mengucapkan rasa terhutang budi dan terharu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas keyakinan mereka terhadapnya, Megat Junid berkata beliau diberitahu mengenai pelantikannya itu oleh Anwar Isnin lepas.

Beliau menggantikan Datuk Abu Hassan Omar dalam satu rombakan kecil Kabinet yang diumumkan Anwar hari ini. Abu Hassan mengosongkan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 2 Mei setelah beliau dinamakan sebagai bakal Menteri Besar Selangor.

Semasa bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, Megat Junid berkata: "Saya merasa seronok dan sedih kerana terpaksa meninggalkan KDN setelah 11 tahun berkhidmat di kementerian itu. Sebagai seorang yang sudah begitu lama dalam KDN tentulah saya kenal rapat dengan pegawai terutamanya dalam Polis Diraja Malaysia, Imigresen dan Rela ... malah saya rasa sehati dengan mereka dan tentulah berpisah ini sedih."

Ditanya perasaannya bila diberitahu mengenai pelantikan itu, beliau berkata: "Saya rasa pening lalat. Saya telah menjadi orang keselamatan sejak 11 tahun lepas dan sekarang kena libatkan diri dalam ekonomi, mencegah inflasi. Saya kena kaji dan belajar seperti saya masuk KDN yang saya anggap seperti masuk darjah satu dan selepas 11 tahun lulus SPM."

Katanya, amat sukar baginya untuk membuat sebarang komen atau mengatakan hasrat dan cita-citanya terhadap perancangannya sebelum mendapat taklimat daripada pegawai (kementerian).

Bagaimanapun, beliau akan mengendalikan kementerian sedaya upaya di samping mendapat bantuan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor memandangkan kementerian memerlukan kerjasama polis terutamanya dalam membanteras penyelewengan ekonomi dengan lebih berkesan.

Sehubungan pelantikan itu, Megat Junid berkata beliau akan melepaskan beberapa jawatan kecuali jawatan pengerusi Pemadam kerana Anwar mahunya terus menerajui badan itu memandangkan jawatan pengerusi dibuat atas pelantikan Perdana Menteri.

Antara jawatan yang akan dilepaskan ialah timbalan pengerusi Majlis Dadah Kebangsaan yang dipengerusi Perdana Menteri, ahli Jawatankuasa Kabinet mengenai Masalah Sosial, ahli Jawatankuasa Kabinet mengenai Buruh Asing dan Pengerusi Jawatankuasa Sokongan dan Perkhidmatan.

Mengimbas kembali tugasnya selama 11 tahun dalam KDN, Megat Junid berkata antara kejayaan terbesarnya ialah memerangi najis dadah termasuk menukar bahagian rawatan dan pemulihan kepada Agensi Dadah Kebangsaan dengan seorang pesuruhjaya polis sebagai ketua pengarah.

Selain itu kejayaannya menubuhkan Persatuan Bekas-bekas Penagih (Pengasih) yang berperanan sebagai pendakwah kepada penagih di samping dapat menyatupadukan anggota Pemadam ke arah sealiran perjuangan kementerian.

"Dulu Pemadam mempunyai arah lain dan kementerian arah lain tetapi kebelakangan ini kedua-duanya bekerja sebagai satu pasukan," katanya dan menambah kata dengan adanya Majlis Dadah Kebangsaan dapat bendung penagihan yang merupakan satu bencana paling besar kepada rakyat yang harus

ditangani.

Kejayaannya yang lain menangani masalah pendatang tanpa izin dan dengan adanya kerjasama kerajaan Indonesia dalam penghantaran pulang pendatang dari negara itu telah membolehkan Malaysia mengawasi kemasukan mereka. Begitu juga terhadap program pemutihan di Sabah dan Sarawak yang dipercayai dapat dikawal sepenuhnya dalam tempoh lima tahun.

Beliau berharap penggantinya, Datuk Tajol Rosli Ghazali yang juga rakan sekolahnya di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh, dapat meneruskan kerja yang telah beliau asaskan khususnya dalam memerangi najis dadah.

-- BERNAMA

ARA AHH